

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KUALITI PERDANA MENTERI (AKPM) 1998,
SEMPENA SIMPOSIUM ANTARABANGSA KERAJAAN ELEKTRONIK
Lokasi : BILIK SABAH, HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 10-12-1998

Y.B. Dato Seri Rafidah Aziz Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Mewakili Y.A.B. Perdana Menteri Yang Berhormat Menteri-menteri dan Y.A.B. Menteri Besar-Menteri Besar Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan, Dif-Dif Kehormat International Participants of the Symposium in Electronic Government Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh Salam Sejahtera and a Very Good Morning Terlebih dahulu sukacita saya mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada Y.B. Dato' Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mewakili Y.A.B. Perdana Menteri, kerana sudi menghadiri ini, seterusnya akan menyampaikan ucapan serta Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1998.

2. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Y.B. Menteri-menteri, Y.A.B. Menteri Besar-menteri besar, Ketua-ketua Agensi Kerajaan, Pemimpin-pemimpin Sektor Swasta dan badan-badan Bukan Kerajaan, serta para hadirin sekalian kerana telah sudi hadir sama di Majlis pada hari ini. Kehadiran ahli-ahli Yang Berhormat serta tuan-tuan dan puan-puan semua juga membuktikan bahawa Gerakan Budaya Kerja Cemerlang, terutamanya pengurusan kualiti sememangnya disokong dan didokong oleh kita semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan

3. Sebagaimana yang kita semua maklum, Anugerah Kualiti Perdana Menteri merupakan pengiktirafan tertinggi negara kepada tiga organisasi dari Sektor Awam, Swasta dan Sosio-ekonomi, yang telah mencapai tahap pengurusan kualiti paling cemerlang sepanjang tahun yang dinilai. Pada tahun ini sebanyak 63 organisasi telah memohon dipertimbangkan untuk Anugerah Kualiti Perdana Menteri. Dari jumlah ini sebanyak 26 buah dari Sektor Awam, 9 buah organisasi dari Sektor Swasta dan 28 buah organisasi dari Sektor Sosio-ekonomi. Ini bererti kesedaran pengurusan kualiti meresap luas di kalangan agensi-agensi awam dan swasta di negara kita. Saya berharap dengan bertambahnya bilangan ini dari masa ke semasa, ini akan menghasilkan tahap kualiti yang lebih baik dari masa lalu. Dalam usaha untuk menjamin konsistensi tahap kualiti ini, kerajaan juga telah melaksanakan siri MS ISO 9000 pada tahun 1996 dahulu. Pelaksanaan siri MS ISO 9000 ini akan memantapkan lagi pengurusan kualiti di dalam perkhidmatan Awam kita. Buat masa ini terdapat beberapa agensi yang ulung yang telah berjaya mendapat persijilan mereka. Saya merasa bangga kerana pagi ini, kita akan bersama-sama memberi pengiktirafan kepada agensi-agensi yang berkenaan.

4. Perkhidmatan Awam juga hendaklah sentiasa memainkan peranannya dalam usaha melaksana dan menegakkan dasar-dasar Kerajaan pada setiap masa. Oleh itu semua pegawai-pegawai kerajaan mestilah memahami dan mengetahui segala dasar negara supaya mereka dapat memberi penjelasan yang jelas dan benar kepada rakyat. Masalah besar sekarang ialah bagaimana kita dapat menangani kegawatan ekonomi dan keupayaan kita memulihkan keadaan sekurang-kurangnya seperti sebelum kegawatan dahulu. Masalah seperti memulihkan keyakinan lebih merupakan persoalan persepsi dan psikologi sosial daripada asas ekonomi sebenar. Oleh itu kita semua mestilah berusaha memperbetulkan tanggapan-tanggapan yang negatif ini dengan memberi penjelasan yang sebenar. Ini adalah untuk menjamin kredibiliti dan kepercayaan berbagai pihak termasuk agensi-agensi swasta dan golongan berkepentingan dalam usaha-usaha kerajaan untuk membantu mereka.

Tuan-tuan dan Puan-puan

5. Sebenarnya Perkhidmatan Awam kini sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran baik dalam usaha mempermodenkan pengawasan jabatan maupun menyediakan kakitangan awam ke arah mencapai visi dan misi negara menjelang Wawasan 2020. Cabaran paling kuat ialah untuk kita memberikan perkhidmatan yang sebaik mungkin seperti yang diharapkan oleh kerajaan dan rakyat. Sebab itulah kita sentiasa mencari cara-cara terbaik bagi melaksanakan usaha penambahbaikan sistem pengurusan dan pentadbiran pejabat di negara ini. Ke arah itu, salah satu usaha yang kini sedang diadakan adalah

penganjuran Simposium Antarabangsa Kerajaan Elektronik, yang telah bermula pada 8 Disember 1998 sehingga 10 Disember 1998.

Menerusi simposium ini kita berharap akan melahirkan lagi pelbagai cara baru yang lebih baik dan terkini dalam pelaksanaan konsep Kerajaan Elektronik.

Ladies and Gentlemen

6. Malaysia has always strived to improve its administration by adopting and implementing various reforms and change programmes. The latest bold initiative is to implement the concept of electronic government which is to reinvent the processes of government administration through the intelligent and effective use of IT, a subject related to the theme of this on-going Symposium. This Symposium seeks to provide a unique opportunity for participants especially senior government officials and executives to evaluate the role of IT in meeting the future needs. It provides a forum for participants from various departments as well as international participants from various countries to exchange ideas on the implementation of electronic government, its legal, economic and structural implications. Achieving this objective now, in the Malaysian context, is important as the country is moving towards a full implementation of electronic government. There are many lessons to be learnt from the successes and failures of others, successes to be replicated and failures to be avoided.

Based on this objective, I hope government officials are fully prepared to face various changes in the modernization of our civil service. This is especially true in the case of changes in work procedure and the way we conduct our business. We have to take into cognizance the benefits of the IT revolution which the country can take advantage of to bring to fruition all the projects that we have planned to be implemented.

Tuan-tuan dan puan-puan

7. Saya ingin mengambil peluang ini untuk sekali lagi menyatakan bahawa seluruh Perkhidmatan Awam akan sentiasa berdiri teguh mendokong dan menyokong Kerajaan. Penegasan ini adalah sebagai bukti bahawa Perkhidmatan Awam tidak akan lari dari tanggungjawab untuk terus berkhidmat dengan gigih serta penuh amanah.

8. Akhir kata, saya amat bersukacita untuk sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Y.B. Dato? Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mewakili Y.A.B.

Perdana Menteri di atas kesudian untuk hadir di Majlis ini dan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang yang akan diumumkan sebentar lagi. Dengan ini saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada organisasi- organisasi yang telah berjaya dipilih sebagai Penerima Anugerah Kualiti Perdana Menteri bagi tahun 1998.